



Perspektif

SYARAHAN UMUM PROFESOR: PROFESOR DR. SAZALI BIN YAACOB (PPK MEKATRONIK)

Pada bulan 24 Februari 2009, satu siri Syarahan Umum Profesor telah dianjurkan oleh Unit Pembangunan Lestari dengan kerjasama PPK Mekatronik. Syarahan yang disampaikan oleh Profesor Dr. Sazali Bin Yaakob, seorang Profesor dari PPK Mekatronik, telah diadakan di Dewan Kapitol, UniMAP, Kangar, Perlis.



Syarahan bertajuk - 'Acoustic Modeling, Analysis and Applications' telah berjaya menarik lebih 400 jemputan yang terdiri daripada pelajar-pelajar peringkat ijazah pertama, pelajar-pelajar peringkat pasca siswazah, staf akademik, staf pentadbiran, pegawai-pegawai utama universiti dan dimeriahkan lagi dengan kehadiran Y. Bhg. Naib Canselor UniMAP sendiri.



Dalam syarahannya, Profesor Dr. Sazali telah menekankan kepada pentingnya sains akustik yang mempengaruhi pelbagai bentuk kehidupan sehari-hari ada dalam bidang muzik, perubatan, industri, pembuatan, kejuruteraan, arkitek, psikologi dan perang. Beliau juga telah menjalankan sesi demonstrasi yang dibantu oleh pelajar-pelajar pasca siswazah beliau. Sebagai seorang profesor yang pakar dalam bidang kawalan kejuruteraan, beliau dilihat telah berjaya mengaplikasikan konsep sains akustik ke dalam kehidupan sehari-hari melalui demonstrasi yang dijalankan.

Keseluruhannya, syarahan umum profesor oleh Profesor Dr. Sazali ini telah berjaya memberi impak yang meluas dan kesedaran dalam bidang sains akustik terutamanya kepada seluruh warga UniMAP.

Sumber : Unit Pembangunan Lestari